



**TEKS UCAPAN**

**TUAN HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN**

**DATUK BANDAR**

**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**SEMPENA:**

**MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAAH**

**DATUK BANDAR KE-10,**

**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**BERTEMPAT:**

**DI DEWAN INAI MERAH, ARAS SATU**

**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

**PADA 19 OGOS 2015 (RABU)**

**BERSAMAAN 4 ZULKAEDAH 1436H**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAHIRABBILALAMIN,  
WASSALATUWASALAMUALA SAIYIDINA,  
MUHAMMADIN ASYRAFIL ANBIYA, IWALMURSALIN,  
WA 'ALA ALIHI WASAHBIHI, AJMA'IN,**

**1. YANG BERHORMAT**

**DATUK ABD LATIFF BIN BANDI, PENERUS  
JAWATANKUASA PERUMAHAN DAN KERAJAAN  
TEMPATAN NEGERI JOHOR SELAKU WAKIL  
RASMI YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN  
NORDIN, MENTERI BESAR JOHOR.**

**2. YANG BERHORMAT TAN SRI HJ. MOHAMAD BIN  
HJ. AZIZ, SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**

3. **YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM, SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR.**
4. **YANG BERTHORMAT TUAN HAJI MOHD NASIR BIN ABD SALAM, PEGAWAI KEWANGAN NEGERI JOHOR.**
5. **AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT**
6. **YANG BERTBAHAGIA  
DATUK YAHYA BIN JAAFAR,  
KETUA WHIP AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU**
7. **AHLI-AHLI MAJLIS,  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU.**
8. **YANG BERTUSAHA,  
TUAN HJ. FARIZAL BIN ISMAIL,  
SETIAUSAHA, MAJLIS BANDARAYA JOHOR  
BAHRU**

9. **YANG BERUSAHA,  
PUAN HAJAH AISHAH BINTI ABDUL KAPI,  
TIMBALAN SETIAUSAHA, MAJLIS BANDARAYA  
JOHOR BAHRU**
  
10. **KETUA-KETUA JABATAN PERINGKAT NEGERI  
DAN PERSEKUTUAN**
  
11. **PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS BANDARAYA JOHOR  
BAHRU DAN PARA PEMERHATI,**
  
12. **RAKAN-RAKAN MEDIA SERTA PARA HADIRIN  
YANG DIHORMATI SEKALIAN**

**SALAM SEJAHTERA,  
SALAM 1 BANDARAYA  
DAN SALAM MUAFAKAT JOHOR.**

**ALHAMDULILLAH, KITA SAMA-SAMA BERSYUKUR KE  
HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH  
KURNIANYA, DAPAT KITA BERKUMPUL PADA HARI**

**YANG BERSEJARAH INI SEMPENA MAJLIS PELANTIKAN DAN ANGKAT SUMPAH DATUK BANDAR KE - 10, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU.**

## **1. UCAPAN PENGHARGAAN**

**TERLEBIH DAHULU, IZINKAN SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN NEGERI JOHOR DI BAWAH KEPIMPINAN YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN, MENTERI BESAR JOHOR, DI ATAS KEPERCAYAAN BELIAU MELANTIK SAYA SEBAGAI DATUK BANDAR KE -10, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU . SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN JUA KEPADA YANG BERHORMAT DATO' HAJI ISMAIL BIN KARIM, SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR YANG MEMBERIKAN SOKONGAN ATAS PELANTIKAN SAYA INI.**

**SESUNGGUHNYA, SAYA MENERIMA JAWATAN INI DENGAN PENUH RASA SYUKUR DAN RENDAH DIRI. SAYA SEDAR BAHAWA AMANAH YANG DIBERIKAN BERSAMA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BESAR INI**

**BUKANLAH SATU PERKARA YANG MUDAH. NAMUN BEGITU, SAYA YAKIN DAN PERCAYA DENGAN ADANYA SOKONGAN DOKONGAN DAN KOMITMEN DARIPADA YAB MENTERI BESAR, YANG BERHORMAT Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, YB DATO' SETIAUSAHA KERAJAAN, BARISAN AHLI-AHLI MAJLIS SERTA WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU SENDIRI, SUDAH PASTI DAPAT MEMBANTU SAYA UNTUK MENGEMUDI ORGANISASI INI SERTA MENCAPAI VISI MBBJ IAITU MENJADIKAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU BERTARAF ANTARABANGSA MENJELANG TAHUN 2020. INSYA ALLAH SAMA-SAMA KITA BERDOA UNTUKNYA.**

**SETERUSNYA, SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH KEPADA YANG BERHORMAT DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMED DEWAM DI ATAS PELANTIKANNYA SEBAGAI PENGURUS BESAR, PERBADANAN ISLAM JOHOR.**

**MUDAH-MUDAHAN YANG BERHORMAT DATO' DAPAT MENERUSKAN TRADISI KECEMERLANGAN BERTUGAS DI TEMPAT YANG BAHARU.**

**BAGI SAYA, LALUAN UNTUK SAYA MENERUSKAN LEGASI KEPEMIMPINAN BELIAU YANG TERBAIK DI MBBJ BUKANLAH MUDAH. IA MEMERLUKAN KOMITMEN YANG CUKUP TINGGI.**

**DAN SAYA MENERIMA SEMUA INI DENGAN PENUH RASA TAWADDUK DAN ILTIZAM, DEMI MELAKUKAN YANG TERBAIK, MENZAHIRKAN PENAMBAHBAIKAN. MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN PELANGGAN, MENGUKUHKAN LAGI RELEVANCY, MENDALAMI DAN MEMENUHI HASRAT SERTA ASPIRASI WARGA BANDAR RAYA JOHOR BAHRU.**

## **2. PERANAN KERAJAAN TEMPATAN**

**YANG BERHORMAT DATO', YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN HADIRIN SEKALIAN.**

**PERANAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU UNTUK STAKEHOLDERSNYA CUKUP BESAR. DI SETIAP DETIK KITA BERNAFAS, KITA BERHUBUNG DENGAN MEREKA. SABAN MASA, KITA MENDENGAR KELUHAN, SARANAN DAN MUNGKIN RASA REMUK REDAM. DAN PADA SETIAP KESEMPATAN ITU JUGA, KITA MENELITI, Mencari jalan penyelesaian, CUBA MERUNGKAI KEKUSUTAN DAN MEMANDU ARAH JALAN YANG LEBIH BAIK BUAT SELURUH WARGA BANDAR RAYA MILIK KITA INI.**

**KITA MAHU TAWARKAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK BUAT SEMUA. TERBAIK ALAM SEKITARNYA, TERBAIK WARGANYA, TERBAIK PEMBANGUNAN SOSIO BUDAYANYA, SERTA MELAKAR MASA DEPAN BANDAR RAYA YANG GEMILANG, BANDARAYA YANG BERBUDAYA DAN BANDARAYA YANG MAMPAN DAN LESTARI.**

### **3. MESRA BERKHIDMAT JUJUR BERBAKTI**

**JUSTERU, SAYA MENYERU SELURUH WARGA KERJA MBJB UNTUK KITA TERUSKAN KEMESRAAN,**



**KUKUHKAN PERKHIDMATAN, TERASKAN KEJUJURAN DALAM SETIAP DERAP LANGKAH KE HADAPAN, DAN TEKADKAN DALAM JIWA NURANI KITA, BAHAWA INILAH DERMABAKTI, INILAH AMANAH YANG WAJIB DITUNAIKAN SEBAGAI WARGA KERJA ORGANISASI YANG KITA KASIHI INI.**

**JIKA BUKAN KITA, SIAPA LAGI YANG AKAN LAKUKAN SEMUA INI? JIKA BUKAN KITA YANG MENERANGI GELAP MALAM, SIAPA LAGI MAHU JADI LILINNYA? JIKA BUKAN KITA YANG MENZAHIRKAN MAKNA COGAN KATA MBBB, SIAPA LAGI?**

**JIKA KEPIMPINAN TERTINGGI NEGERI PUN BEKERJA SIANG DAN MALAM, MEMBUKA SELUAS-LUASNYA RUANG DAN PELUANG, JADI TEMPAT MENGADU ISI HATI, KITA DI MBBB PERLU LAKUKAN YANG SAMA.**

**DASAR BUKA PINTU YAB MENTERI BESAR SEOLAH-OLAH MENJADIKAN KITA RASA CUKUP Kerdil.**

**TETAPI ANGGAPLAH INI SEBAGAI SUATU CABARAN. CABARAN BUAT KITA UNTUK MELAKUKAN YANG**

**SAMA. DAN SAYA YAKIN DAN PERCAYA, JIKA INILAH YANG MENDASARI PERKHIDMATAN KITA, BUDAYA INI JUGALAH YANG AKAN MENJAYAKAN GAGASAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU YANG ANTARABANGSA SIFATNYA.**

#### **4. JOHOR BAHRU BANDAR RAYA BERTARAF ANTARABANGSA 2020**

**YANG BERHORMAT DATO', YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG SAYA MULIAKAN.**

**HARI PERTAMA SAYA BERTUGAS , DI DALAM PERTEMUAN PERTAMA DENGAN SEMUA KETUA JABATAN, SAYA DAPATI PELAN STRATEGIK MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU IAITU PELAN STRATEGIK MBBJ 2011-2015, KINI SAMPAI KE PENGHUJUNGNYA. SUDAH TIBA MASANYA UNTUK MBBJ MENGHASILKAN SATU PELAN STRATEGIK YANG BAHARU BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2020. IAITU SUATU TEMPOH YANG KRITIKAL UNTUK PENCAPAIAN VISI MBBJ SEKALI GUS SEIRING**

**DENGAN WAWASAN NEGARA BAGI MENJADIKAN NEGARA MAJU YANG BERPENDAPATAN TINGGI PADA TAHUN 2020. UNTUK PERANCANGAN STRATEGIK YANG BARU INI, SAYA TELAH PUN MENZAHIRKAN BAHAWA PELAN STRATEGIK INI HENDAKLAH DISIAPKAN DALAM TEMPOH 100 HARI SAYA DILANTIK SEBAGAI DATUK BANDAR. SUKA JUGA SAYA INGIN MEMAKLUMKAN, UNTUK PENGGUBALAN PERANCANGAN STRATEGIK INI, SAYA AKAN MENGAMBIL KIRA AKAN PANDANGAN ORANG RAMAI ATAU WARGA KOTA AGAR PERANCANGAN STRATEGIK YANG AKAN DIHASILKAN NANTI BENAR-BENAR MEMENUHI KEHENDAK MASYARAKAT.**

**UNTUK MAKSUD ITU, SEMUA WARGA KOTA JOHOR BAHRU BOLEHLAH MEMBERIKAN IDEA ATAU PANDANGAN MENERUSI LAMAN SOSIAL FACEBOOK MBBB DAN LAMAN WEB MBBB. SAYA MEMBERIKAN RUANG KEPADA WARGA KOTA UNTUK MEMBERIKAN PANDANGAN, CADANGAN, IDEA, HASRAT DAN KEINGINAN WARGA KOTA MULAI 1 SEPTEMBER 2015 HINGGA 30 SEPTEMBER 2015 NANTI. PANDANGAN –**

**PANDANGAN DAN CADANGAN-CADANGAN INI NANTI AKAN DIAMBIL KIRA, AKAN DIBERI PERHATIAN YANG AKAN DIGUNAKAN UNTUK MENGHASILKAN PERANCANGAN STRATEGIK MBBJ 2016 HINGGA 2020 NANTI.**

**DALAM PADA ITU, KETIKA KITA MENGINTAI PELAN STRATEGIK YANG BAHARU, GARAPAN APA YANG BERLAKU DARIPADA PELAN YANG BAKAL BERAKHIR, PERLU KITA TELUSURI SECARA MENDALAM.**

**KITA WAJAR PERHALUSI APA YANG TERJADI, APA YANG KURANG, APA YANG TERLEBIH, APA YANG PERLU BEGINI, APA YANG PERLU BEGITU? DAN AKHIRNYA, KITA MAHU DAPATAN DARIPADA PELAN YANG TERDAHULU, MEMBOLEHKAN KITA MEMBUAT CARTA PELAN STRATEGIK BAHARU YANG LEBIH BAIK.**

**KITA PERLU PERKUKUHKAN TADBIR URUS, AGAR LEBIH EFISYEN DAN EFEKTIF; KITA PERLU KUKUHKAN PENGURUSAN KEWANGAN; KITA**

**MAHUKAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH MAMPAN, LESTARI DAN INKLUSIF; KITA MAHU “REENGINEERING” JOHOR BAHRU YANG ANTARABANGSA SIFATNYA; KITA MAHUKAN TADBIR URUS ICT, SELENGGARAAN YANG MENYELURUH DAN TEPAT; DAN AKHIRNYA, KITA MAHU WARGA BANDAR RAYA LEBIH TERKESAN NIKMAT KEHIDUPANNYA – JADI LEBIH SEJAHTERA, JADI LEBIH AMAN, JADI LEBIH MAKMUR.**

**INI SEMUA, SUDAH TENTULAH MENUNTUT KOMITMEN 100% DARI KALANGAN KITA DI DALAM DEWAN INI. TUNTUTAN YANG SAMA DIPIKUL DI BAHU WARGA KERJA MBBB DI SETIAP CERUK RANTAU BANDAR RAYA INI.**

**JIKA TIDAK, SEMUA HASRAT KITA, AKAN HANYA AKAN TINGGAL CORETAN DI ATAS LEMBAR-LEMBAR KERTAS SEMATA-MATA. AKAN TINGGAL JADI RETORIK PATOS, ETOS DAN LOGOS SAHAJA.**

## **5. KERJA DALAM SATU PASUKAN**

**YANG BERHORMAT DATO', YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.**

**SAYA PERCAYA BAHAWA KEJAYAAN HANYA AKAN DATANG DENGAN USAHA. DAN USAHA MAMPU DILIPATGANDAKAN DENGAN KERJASAMA BERPASUKAN. SAYA MENGHARAPKAN AGAR AMALAN KERJA SECARA BERPASUKAN YANG DIBERIKAN OLEH BARISAN AHLI-AHLI MAJLIS DAN WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU KEPADA MANTAN DATUK BANDAR SEBELUM INI DAPAT DITERUSKAN BERSAMA SAYA. PERANAN AHLI-AHLI MAJLIS SEBAGAI PENGGUBAL DASAR DAN MENJADI MATA DAN TELINGA MASYARAKAT TIDAK BOLEH DINAFIKAN. SAYA DIFAHAMKAN BARISAN AHLI-AHLI MAJLIS TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN YANG SANGAT CEMERLANG MEMBAWA SEGALA PERMASALAHAN MASYARAKAT KEPADA PENGETAHUAN MAJLIS UNTUK DISELESAIKAN DAN DIATASI SECARA BERSAMA. KITA SEDIA MAKLUM, BARISAN AHLI-AHLI MAJLIS MERUPAKAN PENGGUBAL DASAR, MANAKALA WARGA KERJA**

**PULA SEBAGAI PELAKSANA DASAR YANG TELAH DITENTUKAN. PENGASINGAN TANGGUNGJAWAB INI MEMBOLEHKAN ORGANISASI YANG TERCINTA INI DAPAT BERJALAN DENGAN LICIN LAGI SEMPURNA. WALAUBAGAIMANAPUN, SAYA POHON AGAR AHLI-AHLI MAJLIS TIDAK MENCAMPURADUKKAN URUSAN PENTADBIRAN DENGAN PENGUBALAN DASAR YANG MERUPAKAN TANGGUNGJAWAB UTAMA AHLI-AHLI MAJLIS. TUGAS-TUGAS PENTADBIRAN AKAN DILAKUKAN OLEH SAYA BERSAMA DENGAN WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU.**

**IBARAT PASUKAN BOLASEPAK – TIGA PENYERANG BERBISA, TIDAK MEMADAI UNTUK SEKADAR MEROBEK GAWANG PASUKAN LAWAN, JIKA PENJAGA GAWANG SENDIRI LEMAH LONGLAI MENEPIS TERJAHAN SANG MUSUH. JIKA SAYAP KIRI DAN KANAN PASUKAN TIDAK BOLEH BERTERBANGAN, MANA KAN MAMPU SANG PENYERANG HANDALAN, AYAM TAMBATAN MEMBERI REMBATAN KEMENANGAN BUAT PASUKAN. BEGITU JUGA IBARAT MENJADIKAN SEBUAH FILEM, BAGAIMANA HEBATNYA DAN**

**KREATIFNYA SEORANG PENGARAH FILEM, TETAPI WATAK PELAKONNYA YANG KAKU MENJADIKAN FILEM MENJADI BEKU.**

**BEGITULAH IBARATNYA KITA DI MBB. HANYA BUDAYA BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN, MAMPU MEMBAWA KITA KE TAHAP YANG LEBIH BAIK. KITA TIDAK BOLEH SILO DALAM TINDAKAN, KERANA GERAK KERJA KITA SALING PERLU MEMERLUKAN, SALING BERKAITAN.**

**DAN KITA TIDAK BOLEH BERPELUK TUBUH, MENERIMA KETENTUAN DAN KEBAIKAN HARI INI, TANPA MEMACU PENINGKATAN KEBAIKAN DEMI MASA HADAPAN. BAGI SETIAP SESUATU YANG BAIK, ADA YANG LEBIH BAIK DARI ITU. SAYA BEKERJA UNTUK ANDA SEMUA. ANDA DAN SAYA PERLU BERKERJASAMA. IBARAT KATA, APA YANG PENTING, KERJASAMA!**

**HAKIKATNYA, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU SEDIA BERADA DI LANDASAN YANG TEPAT. PENGIKTIRAFAN 5 BINTANG YANG DITERIMA DARI**



**SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) PADA SEBELUM INI ADALAH MANIFESTASI PERKHIDMATAN YANG EFEKTIF DAN EFISIEN.**

## **6. KEBERSIHAN, KECERIAAN DAN KEINDAHAN BANDAR JOHOR BAHRU**

**YANG BERHORMAT DATUK, YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.**

**JOHOR BAHRU MERUPAKAN IBU NEGERI JOHOR DAN BANDAR JOHOR BAHRU JUGA MENYEDIAKAN SATU-SATUNYA LALUAN MASUK KE NEGARA MALAYSIA DARI ARAH SELATAN. TIDAK HAIRANLAH JIKA JOHOR BAHRU SENTIASA MENDAPAT PERHATIAN PARA PENIAGA, PELABUR SERTA PELANCONG.**

**KEMPEN JOHOR BERSIH DAN LESTARI MERUPAKAN SALAH SATU INISIATIF KERAJAAN NEGERI YANG BERTUJUAN MEWUJUDKAN GELOMBANG**

**PERUBAHAN SIHAT DAN BERSIH KEPADA MASYARAKAT MELALUI PROSES PERUBAHAN MINDA, SIKAP DAN TABIAT KEBERSIHAN YANG BERMULA DARI RUMAH.**

**SEHUBUNGAN ITU, SAYA KOMITED UNTUK MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN MBBB BERSIH DAN LESTARI DEMI MENJADIKAN MBBB SEBAGAI KAWASAN YANG BERDAYA HUNI DAN MEMPUNYAI PERSEKITARAN YANG KONDUSIF UNTUK DIDIAMI.**

**IMEJ SESEBUAH BANDARAYA ITU BUKANLAH DATANG DARI SEGI ASPEK PEMBANGUNAN FIZIKAL SAHAJA, MALAH IANYA LEBIH DARI ITU.**

**MEMASTIKAN KEHIDUPAN MASYARAKAT YANG CERIA ADALAH SEBAHAGIAN DARI TUGAS KERAJAAN TEMPATAN. DAN BIARLAH KECERIAAN ITU, LESTARI SIFATNYA.**

**MASYARAKAT YANG CERIA LAHIR DARI PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN INDAH. PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN INDAH PULA**

**LAHIR DARI USAHA SAMA KERAJAAN TEMPATAN DAN WARGA BANDAR RAYA ITU SENDIRI.**

**INGIN SAYA NYATAKAN, SEGALA PERUBAHAN HENDAKLAH BERMULA DARI DIRI KITA SENDIRI. IANYA BUKANLAH BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN TEMPATAN SEMATA-MATA MALAH WARGA BANDAR RAYA MEMPUNYAI PERANAN YANG SAMA PENTING DALAM MISI MEWUJUDKAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU YANG SEJAHTERA.**

**SAYA SECARA PERIBADI, INGIN MEMBERI PENEKANAN YANG LEBIH, BERKENAAN KUALITI KEBERSIHAN ALAM SEKITAR. SEDAR ATAU TIDAK, SESEBUAH BANDARAYA MAJU AMAT MENITIK BERATKAN KUALITI KEBERSIHAN ALAM SEKITAR.**

**BANDAR YANG BERSIH MENCERMINKAN WARGA BANDAR RAYA ITU SENDIRI. JUSTERU, SAYA MERASAKAN SUDAH SAMPAI MASANYA KITA BERGANDING BAHU UNTUK MEMASTIKAN BANDARAYA YANG KITA SAYANGI INI SENTIASA BERSIH DAN CERIA, SELARI DENGAN HASRAT KITA**

**UNTUK MENJADIKAN BANDAR RAYA JOHOR BAHRU, SEBUAH BANDARAYA YANG BOLEH DIBANGGAKAN.**

**PROGRAM 3K IAITU KEBERSIHAN, KEINDAHAN DAN KECERIAAN YANG TELAH DIUSULKAN KERAJAAN NEGERI AKAN DIJADIKAN PEGANGAN UNTUK MEMACU GERAK KERJA MBB.**

## **7. PENUBUHAN SKUAD TINJAU**

**YANG BERHORMAT DATUK, YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN DIMULIAKAN.**

**SALAH SATU UKURAN KEPADA KECEKAPAN SESEBUAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN ADALAH BERGANTUNG KEPADA PENYELESAIAN ADUAN AWAM. SAYA BERAZAM AKAN MEMASTIKAN SETIAP ADUAN AWAM YANG DISALURKAN KEPADA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU AKAN DIAMBIL TINDAKAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN. MALAH SECARA INOVATIF, PENDEKATAN YANG INGIN SAYA LAKUKAN IALAH MENUBUHKAN SKUAD TINJAU**

**SEBAGAIMANA YANG PERNAH SAYA LAKUKAN KETIKA SAYA MENJAWAT JAWATAN SEBAGAI YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG.**

**PADA MESYUARAT PERTAMA BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN PADA HARI SEMALAM, SAYA TELAH MENGARAHKAN AGAR SKUAD TINJAU INI DI TUBUHKAN DENGAN SERTA-MERTA. SKUAD TINJAU INI MERUPAKAN PASUKAN YANG AKAN MERONDA DI SELURUH KAWASAN MBBB UNTUK MENGESAN APA JUA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT SEPERTI LAMPU TIDAK MENYALA, LAMPU ISYARAT TIDAK BERFUNGSI, JALAN YANG BERLUBANG, TAMAN PERMAINAN YANG TIDAK DISELENGGARA, POKOK YANG PERLUKAN CANTASAN, LONGKANG YANG TERSUMBAT DAN LAIN-LAIN LAGI AKAN DIAMBIL TINDAKAN SEBELUM DIADUKAN OLEH MASYARAKAT KEPADA MBBB. ERTINYA, KITA DI MBBB INI CUBA MENYELESAIKAN PERMASALAHAN MASYARAKAT SEPERTI YANG SAYA SEBUTKAN TADI SEBELUM MEREKA MEMBUAT ADUAN KEPADA KAMI. HARAPAN SAYA DENGAN ADANYA SKUAD TINJAU INI MEMBOLEHKAN**

**MASYARAKAT DAPAT HIDUP DENGAN LEBIH SELESA LAGI BAK KATA PEPATAH MENCEGAH LEBIH BAIK DARIPADA MENGUBATINYA. INSYA ALLAH.**

**‘PROGRAM CAR FREE DAY’ YANG DILAKUKAN OLEH MANTAN DATUK BANDAR PADA SETIAP HARI SABTU MINGGU KEDUA SETIAP BULAN SEBELUM INI INSYA ALLAH AKAN SAYA TERUSKAN. SAYA BERTASRAT UNTUK MEMBUAT PENAMBAHBAIKAN IAITU SAYA AKAN BERBASIKAL BERSAMA DENGAN KETUA JABATAN PADA HARI TERSEBUT UNTUK MENINJAU DI SETIAP LORONG-LORONG, TAMAN-TAMAN PERUMAHAN, PREMIS-PREMIS PERNIAGAAN DAN KAWASAN-KAWASAN PERINDUSTRIAN. MELALUI KAEDAH INI BUKAN SAHAJA DAPAT BERIADAH UNTUK KESIHATAN, TETAPI JUGA DAPAT MENGESAN DAN MENGETAHUI AKAN PERMASALAHAN YANG DIALAMI OLEH MASYARAKAT. PENGLIBATAN AHLI-AHLI MAJLIS DI DALAM PROGRAM RONDA BERBASIKAL INI AMATLAH DIALU-ALUKAN.**

## **8. AMALAN TURUN PADANG**

**SAYA JUGA BERAZAM AKAN MENGAMALKAN PROGRAM TURUN PADANG SEBAGAIMANA DILAKUKAN OLEH YAB MENTERI BESAR JOHOR. SAYA PERCAYA MELALUI AMALAN TURUN PADANG INI MAKA KITA SENDIRI AKAN DAPAT MENYAKSIKAN DAN MENJIWAI AKAN SEGALA MASALAH YANG DIHADAPI OLEH WARGA KOTA. AMALAN TURUN PADANG INI AKAN SAYA LAKUKAN BUKAN SAHAJA PADA HARI BEKERJA TETAPI JUGA PADA Hujung MINGGU. SAYA PERCAYA BUKANLAH SESUATU YANG ASING AMALAN TURUN PADANG DARI WARGA KERJA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU. PROGRAM-PROGRAM SEPerti LOCAL AGENDA 21 (LA 21) ANTARA PLATFORM YANG TERBAIK UNTUK WARGA KERJA SERTA AHLI-AHLI MAJLIS MBBB MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI KEMASYARAKATAN BERSAMA PENDUDUK SETEMPAT.**

**KITA DAPAT DENGAR DENYUT NADI WARGA KOTA. SUARA HATI MEREKA MEMBOLEHKAN KITA MENCARTA KEBAIKAN DENGAN LEBIH MUDAH. TAK**

**KENAL MAKA TAK CINTA. HANYA APABILA KITA KENAL DAN FAHAMI MASALAH SERTA ADUAN, MAKA KITA BOLEH MEMBERIKAN PENYELESAIAN YANG TEPAT LAGI JITU.**

## **9. WABAK DENGGI**

**YANG BERHORMAT DATUK, YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.**

**ANCAMAN DENGGI UMPAMA CABARAN YANG MALAR SEGAR. IBARAT TIADA PENGHUJUNGNYA. JOHOR MERUPAKAN NEGERI YANG KEDUA TERTINGGI, MENCATAT JUMLAH JANGKITAN DENGGI SELEPAS NEGERI SELANGOR.**

**SAYA DAPATI, SEJUMLAH 7,660 KES DENGGI DIREKODKAN, DI ANTARA 1 JANUARI HINGGA 9 OGOS 2015.**

**MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU PULA MENCATATKAN KES DENGGI KEDUA**



**TERTINGGI,SELEPAS MAJLIS PERBANDARAN JOHOR  
BAHRU TENGAH.**

**KITA PERLU BERTINDAK TANPA BERLENGAH,  
MENDEPANI ISU DENGGI INI. TUMPUAN KHAS PERLU  
BAGI MENYELESAIKAN WABAK INI. LAMBAT KITA  
BERTINDAK, FATAL NATIJAHNYA. DEMIKIAN  
SERIUSNYA WABAK BERBAHAYA INI.**

**HARI PERTAMA BEKERJA, ANTARA PERKARA YANG  
DIBINCANGKAN SEMASA MESYUARAT SAYA  
BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN IALAH  
MEMBINCANGKAN MENGENAI ISU DENGGI INI.  
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU TELAH  
MENGADAKAN PASUKAN KHAS BAGI MENANGANI  
ISU DENGGI INI. KITA DAPATI ANTARA PUNCA  
BERLAKUNYA WABAK DENGGI INI ADALAH  
DISEBABKAN OLEH SIKAP YANG TIDAK AMBIL  
PEDULI SOAL PEMBIAKAN JENTIK-JENTIK DAN  
NYAMUK AEDES INI. SEPATUTNYA SETIAP PEMILIK  
PREMIS SAMADA KEDIAMAN ATAU PUN  
PERNIAGAAN, HENDAKLAH MEMASTIKAN  
PERSEKITARAN PREMIS BERADA DALAM KEADAAN**

**YANG BERSIH BAGI MEMASTIKAN TIDAK BERLAKUNYA PEMBIAKAN NYAMUK. MAJLIS SUDAHPUN MENGGERAKKAN PASUKAN INI KE TAPAK-TAPAK PEMBINAAN YANG BERADA DALAM KAWASAN MBB. DIDAPATI PROGRAM-PROGRAM GOTONG-ROYONG YANG BANYAK DILAKUKAN TIDAK BERJAYA MENGATASI BERLAKUNYA WABAK DENGGI INI. JUSTERU ITU, SAYA MEMUTUSKAN MULAI 1 SEPTEMBER 2015 INI, SEBAGAIMANA PERUNTUKAN AKTA KERAJAAN TEMPATAN ATAU AKTA 171 SYEKSEN 81(c), MAKA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU AKAN MENGAMBIL TINDAKAN DRASTIK IAITU AKAN MENGELUARKAN KOMPAUN RM 1000 DI SETIAP PREMIS SEKIRANYA DIDAPATI PREMIS TERSEBUT MENJADI PUNCA PEMBIAKAN NYAMUK AEDES INI. SAYA HARAP SEMUA PEMILIK PREMIS SAMADA DI KEDIAMAN, PEJABAT, KAWASAN INDUSTRI, TEMPAT-TEMPAT PERNIAGAAN SERTA TAPAK-TAPAK HENDAKLAH SENTIASA PEKA AKAN SOAL KEBERSIHAN INI DAN ELAKKANLAH DARIPADA DIKENAKAN KOMPAUN. BAGI TAPAK-TAPAK PEMBINAAN, KOMPAUN SEHINGGA RM 2000 BOLEH DIKENAKAN SEKIRANYA**

**DIDAPATI IANYA MENJADI PUNCA PEMBIAKAN NYAMUK AEDES SEBAGAIMANA PERUNTUKAN SYEKSEN 86 (c) AKTA JALAN, PARIT, BANGUNAN 1974.**

**UNTUK MEMASTIKAN ISU DENGGI INI DAPAT DIATASI SEBAIK MUNGKIN, SAYA AKAN MENUBUHKAN JAWATANKUASA BERTINDAK YANG NANTINYA DIGARISKAN PELAN-PELAN TINDAKAN YANG SETERUSNYA DIPANTAU OLEH SAYA SENDIRI.**

## **10. PELAKSANAAN BAJET 2015**

**YANG BERHORMAT DATUK, YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.**

**PADA 13 NOVEMBER 2014, YAB. MENTERI BESAR JOHOR TELAH MEMBENTANGKAN BAJET 2015 DENGAN TEMA “MEMBANGUNKAN JOHOR SECARA INKLUSIF”. BAJET YANG DIBENTANGKAN OLEH YAB MENTERI BESAR MENJELASKAN KEPADA KITA TENTANG BEBERAPA PERKARA, IAITU:**

- 1. MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DAN MERANSANG PELABURAN.**
- 2. MEMANGKIN KESEJAHTERAAN HIDUP RAKYAT.**
- 3. MEMBANGUNKAN MASYARAKAT BERILMU DAN BERKEMAHIRAN BAGI MENDUKUNG PERALIHAN KE ARAH EKONOMI BERASASKAN PENGETAHUAN**
- 4. MEMBUDAYAKAN INOVASI, KREATIVITI DAN KEUSAHAWANAN BERDAYA SAING GLOBAL DAN;**
- 5. MEMODENKAN PRASARANA SERTA MENGUKUHKAN KEPERCAYAAN AWAM TERHADAP PENTADBIRAN DAN INSTITUSI KERAJAAN.**

**OLEH KERANA BAJET TERSEBUT MEMANG ADA PENGHAYATAN PADA DIRI SAYA SEBAGAI PENGARAH UNIT PERANCANG EKONOMI JOHOR SEBELUM INI, MAKA SAYA AKAN MEMASTIKAN MBBB TURUT MEMAINKAN PERANAN DALAM MENJAYAKAN KESEMUA STRATEGI-STRATEGI TERSEBUT.**

**PADA SAYA, LANTIKAN INI BUKAN SAHAJA SATU PENYERAHAN TUGAS DAN AMANAH, MALAH PELANTIKAN INI JUGA MERUPAKAN SATU CABARAN PERIBADI BUAT SAYA UNTUK MEMASTIKAN ORGANISASI YANG SAYA BAKAL TERAJUI INI AKAN BERJAYA MENYAHUT SERUAN-SERUAN KERAJAAN NEGERI SERTA DASAR-DASARNYA.**

### **11. TERUS MELAKAR KEJAYAAN**

**YANG BERHORMAT DATUK, YANG BERHORMAT TAN SRI, AHLI-AHLI YANG BERHORMAT, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN.**

**SEMENJAK DIISTIHARKAN STATUS BANDAR RAYA PADA 1 JANUARI 1994, MBBB TIDAK LAGI MENOLEH KE BELAKANG. DAN HARI INI, KITA DAPAT LIHAT WAJAH BANDAR RAYA YANG PESAT BERUBAH. KERANCAKANNYA UMPAMA LARIAN YANG TIADA GARIS PENAMATNYA.**

**SAYA BERAZAM AGAR ORGANISASI INI SUDAH TIBA MASANYA SUPAYA DINAIKKAN TARAF DARIPADA**

**MAJLIS BANDARAYA KEPADA DEWAN BANDARAYA  
AGAR PERKHIDMATAN YANG LEBIH CEKAP DAPAT  
DIBERIKAN KEPADA WARGA KOTA SEIRING DENGAN  
PEMBANGUNAN YANG SEMAKIN PESAT.**

**DI MANA-MANA KITA PERGI DI KOTA INI,  
PEMBANGUNAN SEDANG GIAT TERLAKSANA.**

**MAKA ATAS SEBAB ITU, KITA PERLUKAN  
GANDINGAN WARGA KERJA YANG  
AGGRESSIVE, RESPONSIVE, BERTENAGA, SERTA  
DAPAT MEMBERI OUTPUT YANG DIHARAPKAN.**

**KEMANTAPAN MUTU KERJA PERLU TERUS  
DIPERKEMASKAN, KERANA KITA TIADA PILIHAN LAIN  
DALAM MEMBERI PERKHIDMATAN KEPADA  
STAKEHOLDERS BANDAR RAYA. SATU-SATUNYA  
PILIHAN YANG KITA ADA, ADALAH MEMBERIKAN  
YANG TERBAIK KEPADA PARA PELANGGAN KITA.**

**MEMBERIKAN YANG TERBAIK ITULAH YANG  
DITUNTUT AGAMA. JUSTERU, KITA SELAKU  
PENGANUT KEFAHAMAN INI, PERLU AMANAH, PERLU**

**LEBIH CEMERLANG, PERLU LEBIH RASA BEKERJA ITU SEBAGAI AMANAH, SEBAGAI IBADAH. KITA BERTANGGUNGJAWAB DI ATAS PEKERJAAN KITA. KITA “ANSWERABLE” DI DUNIA DAN DI AKHIRAT KELAK.**

## **12. PENUTUP**

**AKHIRNYA, SAYA MENGHARAPKAN AGAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU SENTIASA DAPAT MEMBERIKAN PEKHIDMATAN YANG TERBAIK DALAM MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB DAN AMANAH KEPADA WARGA BANDAR RAYA JOHOR BAHRU.**

**AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA PIHAK KERAJAAN NEGERI DI ATAS KEPERCAYAAN DAN PELANTIKAN SAYA SEBAGAI DATUK BANDAR KE – 10, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DAN SAYA BERAZAM UNTUK MENKOTAKAN APA YANG SAYA LAFAZKAN PADA PETANG INI. BERI SAYA RUANG, MANDAT DAN KEPERCAYAAN UNTUK MERENCANAKAN TRANSFORMASI, GAGASAN DAN**

**IDEA BARU BAGI MENGGANGKAT MARTABAT BANDARAYA JOHOR BAHRU SEBAGAI METROPOLIS ANTARABANGSA YANG SEJAHTERA, BERBUDAYA DAN LESTARI, INSYA ALLAH KITA HANYA MERANCANG, KEPADA ALLAH JUA KITA BERSERAH, AMIN-AMIN YA RABBAL ALAMIN.**

**WABILAH HI TAUFIQ WAL HIDAYAH,  
WASSALAMUALAIKUM W.B.T.**